

L0049

LAPORAN TAHUNAN 1987



اِنْسْتِيتُوْتِ تِكْنُوْلُوْكِي مَارَا
INSTITUT TEKNOLOGI MARA

LAPORAN TAHUNAN 1987



INSTITUT TEKNOLOGI MARA

Yang Berhormat Encik Anwar bin Ibrahim
Menteri Pendidikan Malaysia
Kuala Lumpur


Majlis Institut Teknologi MARA dengan
hormatnya menyampaikan Laporan Tahunan
bagi tahun 1987 mengikut kehendak bahagian
VI. Seksyen 30 (1). Akta Institut Teknologi
MARA 1976 (Akta 173) Undang-Undang
Malaysia



TAN SRI DATO' SALLEHUDDIN BIN MOHAMED
Pengerusi

PENUBUHAN

Institut Teknologi MARA atau Dewan Latihan RIDA ketika itu telah ditubuhkan dalam tahun 1956. Dewan Latihan RIDA ini telah memulakan kursusnya pada bulan November 1956. Ekoran daripada Kongres Ekonomi Bumiputera yang diadakan pada tahun 1965, nama Dewan Latihan RIDA telah ditukarkan kepada Maktab MARA. Dengan perkembangan dari segi jumlah bilangan pelajar dan kursus yang ditawarkan maka untuk menampung keperluan ini Maktab MARA perlu diperluaskan. Untuk tujuan ini kerajaan telah meluluskan sebidang tanah seluas 300 ekar di Shah Alam dan perletakan batu asas telah diadakan pada 14hb. Oktober, 1967. Dengan perletakan batu asas ini nama Maktab MARA telah ditukar kepada Institut Teknologi MARA sehingga ke tarikh ini. Untuk memperkemaskan lagi pentadbiran Bahagian Latihan MARA pihak MARA telah mengusahakan supaya Institut Teknologi MARA ditadbirkan oleh Mailis Pentadbirnya sendiri. Oleh yang demikian pada akhir tahun 1970 Institut Teknologi MARA telah diberi otonomi penuh dan tidak lagi diletakkan di bawah Bahagian Latihan MARA. Perkembangan ITM selepas tarikh ini merupakan sejarah yang pesat dan cemerlang dalam kemajuan pendidikan tinggi di tanah air. Apabila Akta Institut Teknologi MARA telah diluluskan oleh Parlimen pada bulan Jun 1976, ITM telah diletakkan terus di bawah Kementerian Pendidikan.



FALSAFAH


Konsep penubuhan ITM telah diasaskan kepada empat keyakinan atau hakikat yang secara langsung merangkumi falsafah pendidikan di Institut ini. Kesimpulan falsafah ini ialah:

1. Bahawa setiap manusia mempunyai keupayaan semula jadi untuk belajar.
2. Bahawa pendidikan mempunyai hubungan yang rapat dengan kehendak dan keperluan masyarakat.
3. Bahawa pendidikan boleh memainkan peranan penting dalam mengubah status sosioekonomi masyarakat.
4. Bahawa sesuatu kejayaan hanya dapat dicapai ke tahap yang paling tinggi melalui pendidikan.

MATLAMAT


1. Mengadakan program pendidikan yang disesuaikan dengan keperluan tenaga manusia, terutama dalam bidang teknologi, perniagaan, pengurusan dan pentadbiran.
2. Menyediakan peluang pendidikan kepada belia-belia Bumiputera, terutama bagi mereka yang datang dari kawasan-kawasan luar bandar. Supaya mereka dapat mengambil bahagian yang penting dan memainkan peranan yang berkesan dalam sektor-sektor perdagangan dan perindustrian.
3. Mempastikan agar lulusan ITM mendapat pekerjaan dan memegang jawatan di dalam pelbagai bidang ekonomi negara agar mereka diberi pengiktirafan yang sewajarnya terutama dari segi ganjaran yang sejajar dengan kelulusan dan corak latihan yang telah diterima.
4. Menanam dan melahirkan sikap yang lebih positif di dalam perwatakan belia-belia Bumiputera agar mereka lebih bersedia dalam menghadapi persaingan dunia pekerjaan yang kian mencabar.
5. Menilai dan mengkaji program-program pendidikan ITM supaya kaedah pembelajaran di ITM dan kurikulumnya tetap utuh dan sesuai mengikut keperluan dan kehendak-kehendak semasa.
6. Menyediakan sumber tenaga manusia dan material bagi memenuhi keperluan-keperluan sektor-sektor awam, swasta dan masyarakat keseluruhannya.
7. Meningkatkan mutu pembelajaran ke arah mencapai teknologi tinggi bagi memenuhi keperluan negara.
8. Melaksanakan projek penyelidikan melalui khidmat perunding dan kajian bersama dengan sektor perdagangan dan perindustrian di dalam dan di luar negeri.

KAMPUS-KAMPUS CAWANGAN



INSTITUT TEKNOLOGI MARA

Kuala Menggatal
KOTA KINABALU
(1973)



AHLI-AHLI MAJLIS



DUDUK (KIRI KE KANAN)

Y. Bhg. Dato' Hj. Abdul Latiff bin Sahan, Tuan Haji Zahani bin Tan Sri Ahmad.
Y. Bhg. Tan Sri Dato' Sallehuddin bin Mohamed, Y. Bhg. Datuk Wira
Abdul Rahman bin Hj. Arshad, Dr. Hj. Mohd. Mansor bin Hj. Salleh

BERDIRI (KIRI KE KANAN)

Encik Bahadon Ismail, Y. Bhg. Dato' Talha bin Hj. Mohd. Hashim.
Encik Mohd. Ibrahim bin Mohd. Zain, Y. Bhg. Dato' Abdul Aziz bin Mohamad,
Tuan Haji Mohd. Ridzuan bin Abdul Halim, Tuan Haji Hisham bin Alwee.
Tuan Haji Khalid bin Ismail

TIADA DALAM GAMBAR

Y. Bhg. Dato' Hj. Melan bin Abdullah, Y. Bhg. Datuk Haji Safri Awang Zaidell

AHLI-AHLI MAJLIS ITM

PENGERUSI

Yang Berbahagia Tan Sri Dato'
Sallehuddin bin Mohamed
PMN, PSM, SIMP, DIMP, JMN, KMN
Ketua Setiausaha Negara.

TIMBALAN PENERUSI

Tuan Haji Zahani bin Tan Sri Ahmad, AMN
Timbalan Pengerusi Bersama
BEP Akitek Sendirian Berhad.

AHLI-AHLI

Pengarah ITM
Yang Berbahagia
Dr. Hj. Mohd. Mansor bin Hj. Salleh.

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Malaysia

Wakil: Encik Mohd Zain bin Ahmad,
PSK, KMN
(sehingga April, 1987)
Encik Wan Jaafar bin Wan Abdullah,
JSM, KMN, PPT
(mulai 17hb. Ogos, 1987 sehingga
31hb. Disember, 1987)

Wakil Ganti: Tuan Haji Saedon bin Daud

Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan
Yang Berbahagia

Dato' Hj. Abdul Latiff bin Sahan,
DSNS, JSM, KMN
(Mulai 16hb. September, 1987)
Wakil: Encik Mahmud bin Taib, JMN, PSK

Ketua Pengarah Pendidikan
Yang Berbahagia

Datuk Wira Abd. Rahman bin Haji Arshad
DCSM, DKSJ, DSAP, JMN, JSM, BSK
Wakil: Cik Asiah bt. Abu Samah

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Wakil: Tuan Haji Hisham bin Alwee.
AMN, KMN

Peguamcara Negara

Yang Berbahagia
Dato' Lamin bin Hj. Mohd. Yunus,
KMN, SAP, DIMP
Wakil: Encik Muhammad Kamil bin Awang

Ketua Pengarah MARA

Tuan Haji Mohd. Ridzuan bin Abdul Halim
Wakil: Encik Abdul Karim bin Harun

Yang Berbahagia
Dato' Talha bin Haji Mohd. Hashim
DPCM, DSDK, KMN, BCK
Ketua Pengarah Kerja Raya

Yang Berbahagia
Datuk Hj. Safri Awang Zaidell
PNBS, PPC, KMN
Timbalan Setiausaha Kerajaan Sarawak

Yang Berbahagia
Dato' Haji Melan bin Abdullah,
DPMJ, JMN, SMS
Executive Chairman
EXCAV-N-TEAM Sdn. Bhd.

Encik Mohd. Ibrahim bin Mohd. Zain
Group Chief Executive
Setron Malaysia Bhd.

SETIAUSAHA

Pendaftar
Encik Bahadon Ismail

**AHLI-AHLI
JAWATANKUASA
HAL EHWAL AKADEMIK**

PENGERUSI

Ketua Pengarah Pendidikan
Yang Berbahagia
Datuk Wira Abdul Rahman bin Hj. Arshad
DCSM, DKSJ, DSAP, JMN, JSM, BSK

AHLI-AHLI

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Wakil: Tuan Haii Hisham bin Alwee
AMN, KMN

Pengarah ITM
Yang Berbahagia
Dr. Hj. Mohd. Mansor bin Hj. Salleh

Tuan Hj. Zahani bin Tan Sri Ahmad, AMN

Encik Mohd. Ibrahim bin Mohd. Zain.

SETIAUSAHA

Dekan Hal Ehwal Akademik
Encik Mohd. Ali bin Hassan

**AHLI-AHLI
JAWATANKUASA
HAL EHWAL
KAKITANGAN**

PENGERUSI

Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan
Wakil: Encik Mahmud bin Taib,
JMN, PSK

AHLI-AHLI

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Wakil: Tuan Haii Hisham bin Alwee.
AMN, KMN

Pengarah ITM
Yang Berbahagia
Dr. Hj. Mohd. Mansor bin Hj. Salleh

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Wakil: Encik Mohd Zain bin Ahmad
PSK, KMN
(sehingga April, 1987)
Encik Wan Jaafar bin Wan Abdullah.
JSM, KMN, PPT
(mulai 12hb. September, 1987)
Wakil Ganti: Encik Ahmad Khairi bin
Mohd. Darus

Ketua Pengarah MARA
Tuan Hj. Mohd. Ridzuan bin Abdul Halim
Wakil: Encik Abdul Karim bin Harun

SETIAUSAHA

Pendaftar
Encik Bahadon Ismail

**AHLI-AHLI
JAWATANKUASA
KEWANGAN DAN
PEMBANGUNAN**

PENGERUSI

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Wakil: Encik Mohd. Zain bin Ahmad.
PSK. KMN
(sehingga April, 1987)
Tuan Hj. Zahani bin Tan Sri Ahmad.
AMN
(mulai 12hb. September. 1987)

AHLI-AHLI

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Wakil: Encik Wan Jaafar bin Wan Abdullah.
JSM. KMN. PPT
(mulai 12hb. September. 1987
sehingga 31hb. Disember 1987)
Wakil Ganti: Tuan Hj. Saedon bin Daud
Encik Ahmad Khairi bin
Mohd. Darus

Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan
Wakil: Encik Mahmud bin Taib. JMN. PSK
Wakil Ganti: Encik Gurbachan Singh Sidhu

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Wakil: Tuan Hj. Hisham bin Alwee.
AMN. KMN

Pengarah ITM
Yang Berbahagia
Dr. Hj. Mohd. Mansor bin Hj. Salleh

Yang Berbahagia
Dato' Talha bin Hj. Mohd. Hashim
DPCM DSDK KMN AMN BCK
(sehingga 12hb. September. 1987)

SETIAUSAHA

Bendahari
Tuan Hj. Abdul Sofi bin Mohd. Noor.

**AHLI-AHLI
JAWATANKUASA
MENGENDALIKAN
PUSAT PENYELIDIKAN,
PERANCANGAN DAN
PERUNDINGAN**

PENGERUSI

Tuan Hj. Zahani bin Tan Sri Ahmad. AMN
(sehingga 12hb. September, 1987)

Yang Berbahagia
Dato' Talha bin Hj. Mohd. Hashim
DPCM. DSDK, KMN, AMN, BCK
(mulai 12hb. September. 1987)

AHLI-AHLI

Pengerusi Jawatankuasa Kewangan dan
Pembangunan
Encik Mohd. Zain bin Ahmad. PSK. KMN
(sehingga April. 1987)

Tuan Hj. Zahani bin Tan Sri Ahmad. AMN
(mulai 12hb. September, 1987)

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal
Akademik
Yang Berbahagia
Datuk Wira Abdul Rahman bin Hj. Arshad
DCSM. DKSJ. DSAP. JMN, JSM, BSK

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal
Kakitangan
Encik Mahmud bin Taib
JMN. PSK.

Pengarah ITM
Yang Berbahagia
Dr. Hj. Mohd. Mansor bin Hj. Salleh

SETIAUSAHA

Dr. Mohd. Thalha bin Ali Thamby
Ketua Pusat Penyelidikan. Perancangan dan
Perundingan
(sehingga 31hb. Ogos. 1987)

Ketua Unit Perancangan dan Penilaian
Tuan Haii Mohd. Zain bin Omar
(mulai 1hb. September. 1987)

Ketua Pusat Penyelidikan dan Perundingan
Prof. Dr. Wan Md. Ghazali bin Wan Abdullah
(mulai 1hb. September. 1987)

KETUA-KETUA BAHAGIAN

PENGARAH

Dr. Hj. Mansor b. Hj. Salleh
B.Sc. (Cardiff), M.Sc. (Birmingham),
Ph.D. (Manchester)

TIMBALAN PENGARAH (AKADEMIK & HAL EHWAL PELAJAR)

Dr. Mohd. Ahmad b. Hj. Hashim
Teacher's Cert. (MTC), Specialist
Teacher's Cert. (MPIK), Dip. Indus.
Design (Ealing), M.A. Art
Ed. (Illinois), Ph.D. Art. Ed. (Illinois)

TIMBALAN PENGARAH (PENGURUSAN)

Tuan Syed Abdul Kader bin Shaikh
Al-Junid (Mulai 1hb. Ogos, 1987)
Dip. Kejuruteraan Elek. (Maktab Teknik).
B.Sc. (Elect. Eng.) (Strathclyde), M.Sc.
(Systems Eng.) (Surrey)

PENDAFTAR

Encik Bahadon bin Ismail
ACSA(UK), BBA(Ohio), MA (Econs) (Ohio)

BENDAHARI

Tuan Hj. Abdul Sofi b. Mohd. Nor
AASA(Aust), MACPA, MIA, MCPA (Aust)

DEKAN HAL EHWAL AKADEMIK

Encik Mohd. Ali bin Hassan
B.Sc. Hons (Tech. Maths) (Aston),
M.Sc. (Ind. Maths. & Stats.) (Aston),
M.A. (Actuarial Maths) (Michigan)

PMK. DEKAN HAL EHWAL PELAJAR

Encik Alias b. Ramli
ICSA(UK), BBA (Ohio), MBA (Ohio)

KETUA PUSTAKAWAN

Datin Rugayah bt. Abdul Rashid
ALA(UK), FLA(UK), MLS (Hawaii)

KETUA PEGAWAI PERMBANGUNAN DAN PENYELENGGARAAN

Encik Tamzil b. Munir
Dip. Quantity Surveying (Queensland
Inst. of Tech.) (Aust), AAIQS (Aust).
Cert. in Mgmt. for Tech. & Vocational Ed.
(Huddersfield Polytechnic)

KETUA-KETUA KAJIAN/PUSAT

KAJIAN PERAKAUNAN

Encik Ibrahim Kamal Abd. Rahman
Dip. Accy (ITM), BBA(Accy.)
(Washington), MBA Finance
(Western Illinois)

KAJIAN SENILUKIS DAN SENIREKA

Encik Zahari Zain @ Dato' Sulaiman
Dip. Art & Design (Northern Ireland Poly,
Belfast), MA Indus. Design & Fine Metal
(City of Birmingham Poly.)

KAJIAN PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG

Encik Mohd. Darbi Hashim
Bar-at-Law (Lincoln's Inn), MA Business
Law (City of London Polytechnic).
LL.B. (Univ. of London)

KAJIAN SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR

Encik Shamsul Bahar Hj. Abu Bakar
Post Grad. (Dip. in Town & Regional
Planning) (Auckland) BA (Victoria)

KAJIAN SAINS GUNAAN

Tuan Hj. Abdul Razak Baba
DPIM (ITM), M.Sc. Agric. (Bogor)

KAJIAN PERNIAGAAN DAN PENGURUSAN

Encik Abdullah Ghazali
DBS (ITM), BBA (Ohio), MBA (Ohio)

**KAJIAN SAINS MATEMATIK
DAN KOMPUTER**

Encik Wan Yusof Wan Abdullah
MBS (Quantitative Method), M.Sc. Stats
(Western Michigan)

KAJIAN KEJURUTERAAN

Encik Abdullah Suhaimi Mohamed
Adv. Dip. Mech. Eng. (ITM, B.Sc. (Hons)
(UMIST), Dip. Tech. Sc (UMIST)

**KAJIAN PENGURUSAN HOTEL DAN
PENYEDIAAN MAKANAN**

Encik Muhamad Muda
Dip. in Hotel & Catering (ITM), Dip. Tourism
Studies (Bournemouth College of
Technology), LHCIMA (UK), FMHCIMA
(Dorset Inst. of Higher Ed.), M.Sc.
(HRTA) (Massachusetts)

**KAJIAN SAINS PERPUSTAKAAN
DAN MAKLUMAT**

Dr. Katni Kamsono Kibat
BA (History & Pol. Sc.)
(Wilmington College), M.Sc.
(Librarianship) (Western Michigan),
Ph.D. (Lib. Info. Sc.) (Pittsburgh)

KAJIAN SEBARAN AM

Encik Mohd. Hamdan Hj. Adnan
Dip. Mass Comm (ITM), M. Comm
(Washington), M.Sc. (PR) (Boston) D

KAJIAN SAINS KESETIAUSAHAAN

Tuan Hj. Abdul Aziz Hassan
Cert. in Steno (RIDA), B.Sc. Bus. Ed.
(Indiana), M.Sc. Bus. Ed. (Indiana)

KAJIAN LUAR KAMPUS

Encik Mohd. Kamal Abdul Rahman
DBS(ITM), BBA (Ohio), MBA (Ohio)

**PUSAT SUMBER PENGAJARAN
DAN PEMBELAJARAN**

Dr. Mohamed Thalha Hj. Alithamby
Teacher's Cert. (MTC, Kirkby, UK),
B.A. Hons. (Geog.) UM, B.Ed. (UM)
M.A. (Town & Country Planning)(Sydney),
Ph.D. (Urban & Regional Planning)
(Wisconsin)

PUSAT PENDIDIKAN ISLAM

Ustaz Yaacob bin Yusoff
Dip. Pendidikan (UKM), B.A. Hons.
Pengajian Islam (UKM), M.A. Theology,
(Birmingham)

**PUSAT PEMBANGUNAN USAHAWAN
MALAYSIA (MEDEC)**

Encik Nawawi Hj. Md. Jan
B.A. Chemistry (Indiana), M.A. (Ind. Mgmt.
& Tech.) (Central Michigan)

PUSAT BAHASA

Tuan Hj. Rafa'i Hj. Harun
Sijil Perguruan (MPIK), Sijil Perguruan
(Inst. Bahasa), B.A. (UM), M.Ed. (UM)

PENGETUA-PENGETUA KAMPUS CAWANGAN

ITM CAWANGAN SABAH

Encik Shafie Mehad
I.S.(UK), MBA (Quantitative
Method) (Leuven)

ITM CAWANGAN SARAWAK

Dr. Hj. Sulaiman Shamsuri
B.A. (UM), M.Sc.Ed. (Indiana) Ph.D. Ed.
(Indiana)

ITM CAWANGAN PERLIS

Encik Zulkifli Haji Abidin
DPA (ITM), B.Sc. Pol. Sc. (Indiana),
M.A. (Wisconsin)

ITM CAWANGAN TERENGGANU

Tuan Hi. Mansor Hj. Ali
Dip. Export Promotion (W. Germany).
B.A. (USA). MBA (Marketing) (Puerto Rico)

ITM CAWANGAN JOHOR

Tuan Hj. Munshi Abdul Hamid
Dip. in Bldg. Econ. (ITM), B.Sc. Bldg.
Tech. & Mgmt. (Brighton), M.Sc.
(Industrial Sc.) (Colorado)

ITM CAWANGAN MELAKA

Encik Arshad Hashim
DPIM (ITM), Sarjana Pertanian (Indonesia),
M.Sc. (Agric. Dev.) (Belgium)

ITM CAWANGAN PAHANG

Dr. Abdul Aziz Hj. Awang
DVM (Pakistan), M.Sc. (California)

ITM CAWANGAN PERAK

Tuan Syed Ziad b. Syed Nordin Wafa
B of Arch. (Queensland)
B.Sc. Arch. (Sydney)

ITM CAWANGAN KELANTAN

Encik Mohd. Said Abu
Dip. Art & Design (Stockport),
MFA (Kansas)

KANDUNGAN

Perkara

Muka Surat

PENUBUHAN

FALSAFAH

MATLAMAT

PETA KAMPUS-KAMPUS CAWANGAN ITM

GAMBAR AHLI-AHLI MAJLIS

AHLI-AHLI JAWATANKUASA HAL EHWAL AKADEMIK

AHLI-AHLI JAWATANKUASA HAL EHWAL KAKITANGAN

AHLI-AHLI JAWATANKUASA KEWANGAN DAN PEMBANGUNAN

AHLI-AHLI JAWATANKUASA MENGENDALIKAN PUSAT PERANCANGAN
DAN PERUNDINGAN

KETUA-KETUA BAHAGIAN

KETUA-KETUA KAJIAN/PUSAT

PENGETUA-PENGETUA KAMPUS CAWANGAN

LAPORAN PENGARAH

Pendahuluan	1
Majlis ITM	1
Pencapaian Kajian/Pusat	1 - 2
Kakitangan	2 - 4
Pelajar	4 - 10
Aktiviti Kakitangan	11 - 16
Aktiviti Pelajar	17
Perpustakaan	17
Kewangan	17
Seminar	17
Pelawat	18 - 19

LAPORAN KETUA KAJIAN/PUSAT DAN PENGETUA CAWANGAN

Kajian Perakaunan	23 - 26
Kajian Senilukis dan Senireka	26 - 31
Kajian Pentadbiran dan Undang-Undang	31 - 33
Kajian Senibina, Perancangan dan Ukur	34 - 37
Kajian Sains Gunaan	37 - 39
Kajian Perniagaan dan Pengurusan	39 - 42
Kajian Sains Matematik dan Komputer	42 - 45
Kajian Kejuruteraan	45 - 50
Kajian Pengurusan Hotel dan Penyediaan Makanan	50 - 53
Kajian Sains Perpustakaan dan Maklumat	53 - 54
Kajian Sebaran Am	54 - 59
Kajian Sains Kesetiausahaan	60
Kajian Luar Kampus	60 - 62
Pusat Sumber Pengajaran dan Pembelajaran	63 - 66
Pusat Pendidikan Islam	66 - 69
Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia (MEDEC)	70 - 71
Pusat Bahasa	71 - 74
ITM Cawangan Sabah	74 - 75
ITM Cawangan Sarawak	75 - 77
ITM Cawangan Perlis	77 - 79

ITM Cawangan Terengganu	79 - 82
ITM Cawangan Johor	82 - 83
ITM Cawangan Melaka	83 - 86
ITM Cawangan Pahang	86 - 88
ITM Cawangan Perak	88 - 90
ITM Cawangan Kelantan	90 - 92

KUNCI KIRA-KIRA	95 - 108
-----------------	----------

JADUAL

Jadual 1: Kedudukan Kakitangan ITM Seperti Pada 31hb. Disember, 1987	2
Jadual 2: Kedudukan Kakitangan Akademik ITM Mengikut Jawatan, Kajian, Bahagian dan Cawangan	3
Jadual 3: Jumlah Pengambilan Pelajar 1987	4
Jadual 4: Pengambilan Pelajar ITM Pada Semester Januari 1987 Mengikut Kajian dan Kampus	5
Jadual 5: Pengambilan Pelajar ITM Pada Semester Julai 1987 Mengikut Kajian dan Kampus	6
Jadual 6: Enrolmen Pelajar ITM Pada Semester Januari-Jun 1987	7
Jadual 7: Enrolmen Pelajar ITM Pada Semester Julai-Disember, 1987	8
Jadual 8: Enrolmen Pelajar ITM Mengikut Kajian dan Tahun Pengajian (Shah Alam dan Cawangan) (September 1987)	9
Jadual 9: Bilangan Lulusan ITM Mengikut Kajian	10
Jadual 10: Taburan Pemegang Biasiswa Kakitangan Dan Tenaga Pengajar Muda ITM Dalam Pengajian Bagi Tahun 1987- Sehingga 15hb. Disember, 1987	11

LAPORAN PENGARAH

Dr. Haji Mohd. Mansor bin Haji Salleh

PENDAHULUAN

Pada akhir tahun 1987, terdapat perubahan dalam struktur organisasi Institut. Kalau dahulunya Pengarah sebagai Ketua Eksekutif dibantu oleh seorang Timbalan Pengarah, kini bermula dari 1hb. September, 1987 terdapat dua Timbalan Pengarah di ITM, iaitu Dr. Haji Mohd. Ahmad bin Haji Hashim yang bertanggungjawab terhadap akademik dan hal ehwal pelajar dan Tuan Syed Kader bin Shaikh Al-Junid, yang bertanggungjawab terhadap hal ehwal pengurusan. Perubahan ini dilakukan berikutan dengan persetujuan di-Raja ke atas Pindaan Akta 173 di bawah Seksyen 20 Akta tersebut yang membenarkan Institut melantik lebih dari seorang Timbalan Pengarah.

Pada tahun ini genaplah usia ITM 31 tahun. Jumlah pelajar bagi keseluruhan sistem ITM iaitu di kampus induk dan sembilan kampus cawangan pada tahun ini ialah 22,935 orang manakala kakitangan akademik dan pentadbiran pula ialah 5,047 orang. Jumlah tersebut bertambah sebanyak 4% bagi pelajar dan 5% bagi kakitangan berbanding dengan tahun 1986. Selaras dengan matlamat Institut untuk mencapai kecemerlangan akademik pelajar-pelajar berbagai-bagai aktiviti telah dilaksanakan sepanjang tahun 1987.

MAJLIS ITM

Majlis ITM dianggotai oleh 13 orang ahli dan telah mengadakan mesyuarat sebanyak 10 kali dalam tahun 1987. Di samping itu, ahli-ahli Majlis telah mengadakan lawatan ke-7 buah kajian untuk mengikuti perkembangan dan kemajuan dengan lebih dekat lagi. Kita mengalu-alukan perlantikan seorang ahli Majlis yang baru iaitu Encik Wan Jaafar bin Wan Abdullah yang menggantikan Encik Mohd. Zain bin Ahmad sebagai wakil Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia.

PENCAPAIAN KAJIAN/PUSAT

ITM menawarkan sejumlah 91 kursus sama ada di peringkat Diploma Lepas Ijazah, Ijazah, Diploma Lanjutan, Kursus Luaran, Diploma dan Sijil. Kursus-kursus tersebut adalah dikendalikan oleh 12 buah kajian, 4 buah Pusat dan 9 buah kampus cawangan.

Pada tahun ini, kursus Advanced Diploma in Business Studies (Insurance) telah diberi pengiktirafan setaraf dengan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Untuk menyelaraskan dengan keperluan negara, pengambilan pelajar-pelajar baru Diploma in Credit Management dan Chartered Institute of Insurance telah diberhentikan. Sebaliknya kursus baru yang setaraf dengan Chartered Institute of Insurance iaitu Malaysian Institute of Insurance telah diperkenalkan.

Mulai tahun ini juga, pengambilan pelajar-pelajar untuk kursus Diploma Stenografi hanya dibuat untuk kampus-kampus cawangan manakala ITM Jalan Othman hanya mengambil pelajar-pelajar Diploma Setiausaha Eksekutif. Semua pelajar tahun 1 Kajian Senibina, Perancangan dan Ukur kecuai kursus Seni Rupabumi ditempatkan di kampus ITM Cawangan Perak. Pengambilan pelajar-pelajar Diploma Kimia Perindustrian dijalankan buat pertama kalinya dua kali setahun pada tahun ini. Kajian Pentadbiran dan Undang-Undang pula telah mencatat sejarah dengan perasmian Mahkamah Moot Kajian oleh Hakim Besar Malaya.

Peluang untuk mendapatkan pendidikan lanjutan terus diperluaskan di mana satu kursus iaitu Diploma Sebaran Am secara separuh masa telah dimulakan di Kajian Luar Kampus. Untuk mengurangkan masalah pengangguran siswazah, Program Keusahawanan Siswazah telah diperkenalkan oleh Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia (MEDEC).

Untuk menentukan kejayaan kursus-kursus yang bertaraf profesional dan separa profesional kajian/pusat sering mendapat khidmat pakar dari dalam dan luar negeri selaku Pemeriksa Luar di dalam bidang-bidang yang tertentu. Di samping itu, kajian-kajian juga mendapat khidmat orang perseorangan dari sektor awam dan swasta yang menjadi Panel Penasihat Akademik. Panel ini membantu kajian dalam memastikan kurikulum kursus-kursus yang dijalankan sentiasa selaras dan terkini dengan perkembangan dan kemajuan semasa.

Institut terus menyumbangkan khidmat dan kepakaran dalam bidang-bidang tertentu seperti Senilukis dan Senireka, Alambina, Pengurusan, Komputer, Kejuruteraan dan sebagainya kepada Jabatan Kerajaan dan institusi luar.

Hasil dari usaha kajian yang bersungguh-sungguh. The Association of International Accountants (AIA) telah memberikan pengecualian kepada pemegang-pemegang Diploma Perakaunan dan Diploma Lanjutan Perakaunan dari mengambil beberapa kertas di dalam peperiksaan profesional mereka.

KAKITANGAN

Pada 31hb. Disember, 1987 jumlah besar kakitangan Institut Teknologi MARA ialah seramai 5047 orang. Daripada jumlah ini 1704 adalah kakitangan akademik sementara 3343 adalah kakitangan pentadbiran. Walaupun jumlah kakitangan telah meningkat daripada 4804 orang pada tahun 1986 kepada 5047 orang pada tahun 1987, tetapi jumlah ini masih berkurangan berbanding dengan jumlah perjawatan yang diluluskan sebanyak 5773 jawatan.

Jadual 1
KEDUDUKAN KAKITANGAN ITM SEPERTI
PADA 31HB. DISEMBER, 1987

Kumpulan	Peruntukan	Yang Dipenuhi	(%)	Kekosongan	(%)
Akademik					
A	1994	1664	(83.45%)	330	(16.55%)
B	57	40	(70.18%)	17	(29.82%)
Jumlah	2051	1704	(83.08%)	347	(16.92%)
Pentadbiran					
A	309	265	(85.76%)	44	(14.24%)
B	408	385	(94.36%)	23	(5.64%)
C	1007	940	(93.35%)	67	(6.65%)
D	1998	1753	(87.74%)	245	(12.26%)
Jumlah	3722	3343	(89.82%)	379	(10.18%)
Jumlah Besar	5773	5047	(87.42%)	726	(12.58%)

Jadual 1 menunjukkan masih terdapat 16.92% kekosongan bagi jawatan akademik dan 10.18% bagi jawatan pentadbiran. Kekosongan jawatan akademik khususnya kumpulan A berlaku kerana kesukaran yang dialami oleh Institut untuk mendapatkan tenaga pengajar tempatan yang berkelayakan terutama dalam bidang Bahasa Inggeris dan jawatan yang tidak diisikan kerana menunggu kembalinya pensyarah-pensyarah muda di bawah Rancangan Latihan Pengajar Muda.

Sepanjang tahun 1987, Institut telah mengambil seramai 408 kakitangan yang terdiri daripada 235 kakitangan akademik dan 173 orang kakitangan pentadbiran iaitu 21 kumpulan A, 42 kumpulan B, 26 kumpulan C dan 84 kumpulan D. Jumlah kakitangan pentadbiran terutamanya kakitangan kumpulan D telah tidak diisi dengan sepenuhnya kerana langkah Institut mengswastakan semua dewan makan (kecuali Dewan Makan Cempaka dan Dewan Makan Kenanga.) Kedudukan kakitangan akademik ITM mengikut jawatan, kajian, bahagian dan cawangan adalah seperti di Jadual 2.

Jadual 2
KEDUDUKAN KAKITANGAN AKADEMIK ITM MENGIKUT
JAWATAN, KAJIAN, BAHAGIAN DAN CAWANGAN
(DATA SEHINGGA 31HB. DISEMBER, 1987)

Kajian/Bahagian/Cawangan/Jawatan	1	2	3	4	5	6	7
Perakaunan	-	15	13	29	8	-	65
Pentadbiran & Undang-Undang	-	14	17	20	6	-	57
Sains Gunaan	3	21	31	36	-	-	91
Senibina Perancangan & Ukur	2	13	24	74	1	-	114
Pemiagaan & Pengurusan	1	20	28	46	-	-	95
Sains Matematik & Komputer	2	11	27	48	1	-	89
Kejuruteraan	2	25	61	89	6	1	184
Senilukis & Senireka	2	20	16	15	4	5	62
Pengurusan Hotel & Penyediaan Makanan	-	3	10	9	1	-	23
Sains Perpustakaan & Maklumat	-	4	4	6	-	-	14
Sebaran Am	1	5	8	18	-	-	32
Sains Kesetiausahaan	-	-	2	7	-	11	20
Luar Kampus	-	-	2	3	-	-	5
Pusat Bahasa	2	13	39	63	17	7	141
Pusat Pendidikan Islam	-	2	12	41	1	-	56
Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia	-	3	4	17	-	-	24
Pusat Sumber Perkembangan & Pendidikan	-	1	1	3	-	-	5
Jumlah Shah Alam	15	170	299	524	45	24	1077
Perlis	-	3	18	75	4	2	102
Trengganu	-	4	10	71	5	3	93
Sabah	-	3	10	26	10	-	49
Sarawak	-	4	4	48	4	2	62
Johor	-	2	2	43	3	2	52
Melaka	-	1	3	50	5	2	61
Pahang	-	3	3	63	3	1	73
Perak	-	2	6	74	7	2	91
Kelantan	-	3	7	31	1	2	44
Jumlah Besar	15	195	362	1005	87	40	1704

Catitan:

- | | | |
|--------------------|------------------------------|-----------------------|
| 1. Pensyarah Utama | 3. Pensyarah Tingkatan Kanan | 5. Pensyarah Kontrak |
| 2. Pensyarah Kanan | 4. Pensyarah | 6. Penolong Pensyarah |
| | | 7. Jumlah |

Jawatan-jawatan baru yang diterima sepanjang tahun 1987 adalah sebanyak 342. terdiri daripada 243 jawatan kumpulan A, 41 jawatan kumpulan B, 14 jawatan kumpulan C dan 44 jawatan kumpulan D.

Sementara itu, 48 jawatan telah dimansuhkan. sebagai ganti kepada jawatan-jawatan baru. Jawatan yang dimansuhkan terdiri daripada 10 jawatan kumpulan A, 4 jawatan kumpulan B, 34 jawatan kumpulan D.

Seramai 5 orang Pensyarah Kanan telah dinaikkan pangkat ke jawatan Pensyarah Utama. Seramai 14 orang kakitangan Pentadbiran kumpulan A dan B dan 8 kakitangan kumpulan C dan D pula telah dinaikkan pangkat ke jawatan-jawatan kanan.

Seramai 93 orang telah berhenti dari perkhidmatan di Institut iaitu 57 orang kakitangan akademik dan 36 orang kakitangan pentadbiran. Sebanyak 64.9% kakitangan akademik yang berhenti adalah mereka yang berkhidmat di kampus Shah Alam. iaitu 21% terdiri daripada kakitangan Pusat Bahasa dan diikuti oleh kakitangan Kajian Perakaunan sebanyak 9% dan Kejuruteraan sebanyak 9%. Kebanyakan mereka yang berhenti adalah kerana telah tamat perkhidmatan kontrak.

Kakitangan pentadbiran yang berhenti adalah terdiri daripada 4 orang kumpulan A, 4 orang kumpulan B, 10 orang kumpulan C dan 18 orang kumpulan D. Selain daripada itu, terdapat 9 orang kakitangan yang bersara dan 3 orang meninggal dunia sepanjang tahun 1987.

PELAJAR

Pengambilan Pelajar

Pada tahun 1987 sebanyak 40.502 permohonan telah diterima iaitu berkurangan sebanyak 24.59% jika dibandingkan dengan tahun 1986. Dari Jadual 3 didapati 11.177 orang calon telah berjaya ditawarkan tempat untuk mengisi 9.505 keperluan tempat. Dari jumlah ini seramai 7.921 orang calon telah mendaftar dan ini bermakna masih terdapat 16.66% kekurangan calon untuk memenuhi keperluan sebanyak 9.505.

Seramai 3.154 pelajar baru mendaftar pada semester Januari 1987 manakala 4.767 pelajar baru mendaftar untuk semester Julai 1987.

Jadual 3
JUMLAH PENGAMBILAN PELAJAR 1987

Semester Kemasukan	Keperluan	Permohonan	Tawaran	Mendaftar			Jumlah Permohonan 1986
				L	P	J	
Januari 87	3946	12874	3741	1471	1683	3154	19422
Julai 87	5559	27628	7436	2395	2372	4767	34289
Jumlah Besar	9505	40502	11177	3866	4055	7921	53711

Catatan:

L - Lelaki P - Perempuan J - Jumlah

Pecahan mengikut kajian, cawangan dan jantina bagi pengambilan pelajar-pelajar baru untuk semester Januari dan Julai adalah seperti dalam Jadual 4 dan 5 Untuk semester Januari 1987 bilangan pelajar baru lelaki yang telah mendaftar ialah seramai 1.471 (46.64%) manakala bilangan pelajar baru perempuan seramai 1,683 (53.36%). Pola yang agak sama terdapat bagi pengambilan pelajar baru untuk semester Julai 1987, di mana seramai 2,395 (50.24%) adalah pelajar lelaki dan 2,372 (49.76%) adalah pelajar perempuan. Kajian Perniagaan dan Pengurusan, Kajian Perakaunan dan Kajian Kejuruteraan merupakan kajian-kajian yang mempunyai bilangan pengambilan pelajar yang besar.

Jadual 4
PENGAMBILAN PELAJAR ITM PADA SEMESTER JANUARI 1987
MENGIKUT KAJIAN DAN KAMPUS

Kajian/Kampus	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11
Perakaunan	114	5	11	54	29	50	42	30	47	48	430
Senilukis dan Senireka	167	-	-	-	-	-	-	-	-	-	167
Pentadbiran dan Undang-Undang	92	1	-	33	34	35	36	29	-	-	260
Senibina, Perancangan dan Ukur	18	-	-	-	-	-	-	-	152	-	170
Sains Gunaan	102	-	-	57	-	-	-	35	-	-	194
Perniagaan dan Pengurusan	96	-	3	121	67	134	103	64	83	108	779
Sains Matematik dan Komputer	-	-	-	-	25	-	-	37	50	-	112
Kejuruteraan	146	-	-	69	-	-	-	48	-	-	263
Pengurusan Hotel dan Penyediaan Makanan	121	-	-	-	57	-	-	-	-	-	178
Sebaran Am	92	-	-	-	-	-	-	-	-	-	92
Sains Perpustakaan dan Maklumat	6	-	-	-	-	-	-	-	-	-	6
Sains Kesetiausahaan	70	-	16	49	25	47	62	28	26	25	348
Pra Perdagangan	-	61	94	-	-	-	-	-	-	-	155
Jumlah Besar	1024	67	124	383	237	266	243	271	358	181	3154

Catatan:

- | | |
|---------------|------------------|
| 1. Shah Alam | 7. Melaka |
| 2. Sabah | 8. Pahang |
| 3. Sarawak | 9. Perak |
| 4. Perlis | 10. Kelantan |
| 5. Terengganu | 11. Jumlah Besar |
| 6. Johor | |

Jaduan 5
PENGAMBILAN PELAJAR ITM PADA SEMESTER JULAI 1987
MENGIKUT KAJIAN DAN KAMPUS

Kajian/Kampus	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11
Perakaunan	176	23	28	109	89	106	98	30	51	67	777
Senilukis dan Senireka	128	-	-	-	-	-	-	-	-	-	128
Pentadbiran dan Undang-Undang	139	10	-	47	44	27	37	29	-	-	333
Senibina. Perancangan dan Ukur	47	-	-	-	-	-	-	-	263	-	310
Sains Gunaan	296	24	-	51	-	-	-	52	-	-	423
Perniagaan dan Pengurusan	253	3	7	208	185	192	157	71	104	89	1269
Sains Matematik dan Komputer	219	-	-	-	21	-	-	22	55	-	317
Keiuruteraan	219	-	-	67	-	-	-	24	-	-	310
Pengurusan Hotel dan Penyediaan Makanan	151	-	-	-	51	-	-	-	-	-	202
Sebaran Am	87	-	-	-	-	-	-	-	-	-	87
Sains Perpustakaan dan Maklumat	45	-	-	-	-	-	-	-	-	-	45
Sains Kesetiausahaan	32	13	17	40	26	34	41	26	30	29	288
Pra Perdagangan	-	70	208	-	-	-	-	-	-	-	278
Jumlah Besar	1792	143	260	522	416	359	333	254	503	185	4767

Catatan:

- | | |
|---------------|------------------|
| 1. Shah Alam | 7. Melaka |
| 2. Sabah | 8. Pahang |
| 3. Sarawak | 9. Perak |
| 4. Perlis | 10. Kelantan |
| 5. Terengganu | 11. Jumlah Besar |
| 6. Johor | |

Enrolmen Pelajar

Jumlah enrolmen pelajar untuk semester Januari - Jun 1987 ialah seramai 22,558 orang. Dari jumlah ini 11,869 (52.62%) adalah terdiri daripada pelajar lelaki sementara 10,689 (47.38%) adalah pelajar perempuan. Rujuk Jadual 6.

Jadual 6
ENROLMEN PELAJAR ITM PADA SEMESTER JANUARI - JUN 1987

Kajian/Kampus	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11
Perakaunan	1457	150	240	352	397	166	241	213	229	243	3696
Senilukis dan Senireka	909	-	-	-	-	-	-	-	-	-	909
Pentadbiran dan Undang-Undang	904	167	-	240	225	124	94	77	160	-	1991
Senibina. Perancangan dan Ukur	1080	-	-	-	-	-	237	-	-	-	1317
Sains Gunaan	990	31	-	356	-	125	-	-	-	-	1502
Perniagaan dan Pengurusan	2527	234	345	662	834	367	416	325	440	421	6571
Sains Matematik dan Komputer	917	-	-	-	62	104	174	-	-	-	1257
Kejuruteraan	1603	-	-	122	-	121	-	-	-	-	1846
Pengurusan Hotel dan Penyediaan Makanan	604	-	-	-	57	-	-	-	-	-	661
Sebaran Am	576	-	-	-	-	-	-	-	-	-	576
Sains Perpustakaan dan Maklumat	176	-	-	-	-	-	-	-	-	-	176
Sains Kesetiausahaan	329	27	88	244	238	164	151	163	246	105	1755
Pra-Perdagangan	-	191	110	-	-	-	-	-	-	-	301
Jumlah	12,072	800	791	1976	1813	1171	1313	778	1075	769	22,558

Catatan:

- | | |
|---------------|--------------|
| 1. Shah Alam | 7. Perak |
| 2. Sabah | 8. Johor |
| 3. Sarawak | 9. Melaka |
| 4. Perlis | 10. Kelantan |
| 5. Terengganu | 11. Jumlah |
| 6. Pahang | |

Jumlah enrolmen pelajar untuk semester Julai - Disember 1987 ialah seramai 22.935 orang. Dari jumlah ini 11.924 (51.99%) adalah terdiri daripada pelajar lelaki sementara 11.011 (48.01%) adalah pelajar perempuan. Rujuk Jadual 7.

Jadual 7
ENROLMEN PELAJAR ITM PADA SEMESTER JULAI - DISEMBER 1987

Kajian/Kampus	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11
Perakaunan	1468	144	333	396	417	167	286	265	244	251	3971
Senilukis dan Senireka	823	-	-	-	-	-	-	-	-	-	823
Pentadbiran dan Undang-Undang	872	174	-	237	234	120	95	94	144	-	1970
Senibina. Perancangan dan Ukur	907	-	-	-	-	-	429	-	-	-	1336
Sains Gunaan	995	23	-	374	-	171	-	-	-	-	1563
Perniagaan dan Pengurusan	2609	183	293	814	888	354	405	457	439	404	6846
Sains Matematik dan Komputer	895	-	-	-	81	97	191	-	-	-	1264
Kejuruteraan	1551	-	-	119	-	65	-	-	-	-	1735
Pengurusan Hotel dan Penyediaan Makanan	563	-	-	-	51	-	-	-	-	-	614
Sebaran Am	599	-	-	-	-	-	-	-	-	-	599
Sains Perpustakaan dan Maklumat	166	-	-	-	-	-	-	-	-	-	166
Sains Kesetiausahaan	306	49	88	202	217	139	164	155	250	121	1691
Pra Perdagangan	-	145	212	-	-	-	-	-	-	-	357
Jumlah	11754	718	926	2142	1888	1113	1570	971	1077	776	22935

Catatan:

- | | |
|---------------|--------------|
| 1. Shah Alam | 7. Perak |
| 2. Sabah | 8. Johor |
| 3. Sarawak | 9. Melaka |
| 4. Perlis | 10. Kelantan |
| 5. Terengganu | 11. Jumlah |
| 6. Pahang | |

Enrolmen pelajar-pelajar ITM mengikut kajian dan tahun pengajian (Shah Alam dan Cawangan) pada semester Julai - Disember 1987 adalah seperti Jadual 8.

Jadual 8
ENROLMEN PELAJAR ITM MENGIKUTI KAJIAN DAN TAHUN
PENGAJIAN (SHAH ALAM DAN CAWANGAN) (SEPTEMBER 1987)

Tahun Pengajian Kajian	Tahun 1		Tahun 2		Tahun 3		Tahun 4		Pra-Diploma		Jumlah
	Jum.	%	Jum.	%	Jum.	%	Jum.	%	Jum.	%	
AC	1394	35.10	1251	31.50	1185	29.84	141	3.56	-	-	3971
AD	287	34.87	224	27.22	152	18.47	160	19.44	-	-	823
AL	620	31.46	576	29.24	678	34.42	48	2.44	48	2.44	1970
AP	497	37.20	479	35.85	267	19.99	93	6.96	-	-	1336
AS	615	39.35	485	31.03	339	21.69	124	7.93	-	-	1563
BM	2299	33.58	1990	29.07	2336	34.12	221	3.23	-	-	6846
CS	417	32.99	421	33.31	278	21.99	103	8.15	45	3.56	1264
EN	650	37.46	541	31.18	342	19.71	133	7.67	69	3.98	1735
HC	248	40.39	163	26.55	189	30.78	14	2.28	-	-	614
MC	168	28.05	187	31.22	158	26.38	-	-	86	14.35	599
LS	53	31.93	66	39.76	47	28.31	-	-	-	-	166
SS	643	38.02	580	34.30	141	8.34	-	-	327	19.35	1691
PP	357	100.00	-	-	-	-	-	-	-	-	357
Jumlah	8248		6963		6112		1037		575		22935

Catatan:

AC - Perakaunan	EN - Kejuruteraan
AD - Senilukis & Senireka	HC - Pengurusan Hotel & Penyediaan Makanan
AL - Pentadbiran & Undang-Undang	MC - Sebaran Am
AP - Senibina. Perancangan & Ukur	LS - Sains Perpustakaan & Maklumat
AS - Sains Gunaan	SS - Sains Kesetiausahaan
BM - Perniagaan & Pengurusan	PP - Pra-Perdagangan
CS - Sains Matematik & Komputer	

PEPERIKSAAN

Seramai 20,519 pelajar telah menduduki peperiksaan dalaman ITM pada bulan Mei 1987. Dari jumlah tersebut seramai 19,655 (95.79%) telah lulus dan seramai 864 (4.21%) gagal. Bagi peperiksaan bulan November 1987 pula seramai 20,719 pelajar telah menduduki peperiksaan tersebut di mana 19,876 orang (95.93%) telah lulus dan seramai 843 (4.07%) gagal.

KONVOKESYEN

Konvokesyen yang ke-27 ITM pula telah diadakan buat pertama kalinya di Pusat Dagangan Dunia Putra pada 17hb dan 18hb Oktober, 1987. Seramai 5,121 lulusan telah menerima diploma mereka di upacara ini yang disampaikan oleh Pengerusi Majlis ITM, Tan Sri Dato' Sallehuddin Mohamed. Jumlah ini meliputi bilangan lulusan yang tamat pengajian di Shah Alam dan kampus-kampus cawangan dan juga yang mengikuti pengajian luar kampus. Dari jumlah lulusan ini, 77.09% menerima kelulusan Diploma, 8.61% menerima Ijazah Sarjana Muda dan lepasan Ijazah, 6.45% menerima Diploma Lanjutan, 7.40% menerima kelulusan Sijil sementara 0.45% sahaja yang menerima kelulusan Profesional. Bilangan lulusan mengikut kajian dan peringkat pengajian adalah seperti dalam Jadual 9.

Di dalam setiap Majlis Konvokesyen, ITM menyediakan hadiah bagi pelajar terbaik. Pada tahun 1987 sebanyak enam kategori pelajar terbaik telah disediakan iaitu:

- i) Pelajar Terbaik ITM dan Pemenang Pingat Emas
- ii) Pelajar Terbaik Kursus Diploma ITM 1987
- iii) Pelajar Terbaik Kursus Diploma Lanjutan/Luaran ITM
- iv) Pemenang Hadiah Khas
- v) Pelajar Terbaik Kajian
- vi) Pelajar Terbaik bagi setiap kursus

Sebanyak 66 buah organisasi dan orang perseorangan telah memberi sumbangan hadiah pelajar terbaik pada tahun ini. Sumbangan berjumlah \$38,850.00 telah diterima dalam berbagai bentuk seperti wang tunai, cek, medal dan baucer buku.

Pelajar terbaik dan pemenang pingat emas dalam Konvokesyen ITM 1987 ialah Mohd. Jamil bin Hussain, kursus Diploma in Food Technology di Kajian Sains Gunaan.

Jadual 9
BILANGAN LULUSAN ITM MENGIKUT KAJIAN

Kajian	Peringkat Kelulusan					
	1	2	3	4	5	6
Perakaunan	-	41	-	754	-	795
Senilukis & Senireka	130	34	-	17	-	181
Pentadbiran & Undang-Undang	66	30	1	561	-	658
Senibina, Perancangan & Ukur	-	37	-	214	34	285
Sains Gunaan	-	-	-	293	-	293
Perniagaan & Pengurusan	34	66	22	1773	106	1401
Sains Matematik & Komputer	40	7	-	167	66	280
Kejuruteraan	-	115	-	332	-	447
Pengurusan Hotel & Penyediaan Makanan	-	-	-	107	173	280
Sebaran Am	97	-	-	-	-	97
Sains Perpustakaan & Maklumat	74	-	-	-	-	74
Sains Kesetiausahaan	-	-	-	330	-	330
Jumlah	441	330	23	3948	379	5121

Catatan:

- | | |
|--------------------------|------------|
| 1. Ijazah/Lepasan Ijazah | 4. Diploma |
| 2. Diploma Lanjutan | 5. Sijil |
| 3. Kursus Luaran | 6. Jumlah |

AKTIVITI KAKITANGAN

Latihan dan Biasiswa

Sebanyak 78 biasiswa kakitangan dan 21 biasiswa Tenaga Pengajar Muda telah ditawarkan dalam tahun 1987. Seramai 50 orang kakitangan dan 52 orang Tenaga Pengajar Muda telah memulakan pengajian. Bilangan ini adalah meliputi kakitangan dan juga Tenaga Pengajar Muda yang telah ditawarkan biasiswa dalam tahun 1986.

Seramai 64 orang kakitangan telah kembali berkhidmat dan 83 orang pengajar muda telah melaporkan diri di mana 17 orang daripadanya telah dilepaskan dari perjanjian untuk berkhidmat dengan ITM di atas sebab-sebab tertentu. Bilangan kakitangan dan Tenaga Pengajar Muda yang masih dalam pengajian pada tahun 1987 ialah 444 orang.

Kursus/Seminar/Bengkel/Persidangan

Seramai 433 orang kakitangan telah mengikuti sama ada kursus, seminar, bengkel atau persidangan yang dianjurkan oleh badan-badan luar ITM sepanjang tahun 1987 iaitu 379 di dalam negeri dan 54 di luar negeri.

Seramai 93 orang kakitangan lagi telah diberi kursus dan latihan oleh Bahagian Latihan dan Biasiswa sendiri. Selain daripada itu, Bahagian Latihan dan Biasiswa juga telah menganjurkan 24 kursus Bina Insan yang dihadiri oleh 1,150 orang kakitangan iaitu 746 kakitangan akademik dan 404 kakitangan Pentadbiran.

Jadual 10
TABURAN PEMEGANG BIASISWA KAKITANGAN DAN TENAGA PENGAJAR MUDA
ITM DALAM PENGAJIAN BAGI TAHUN 1987
SEHINGGA 15HB. DISEMBER 1987

Kajian/Bahagian	Bil. Kakitangan dan Tenaga Pengajar Muda Dalam Pengajian						Jumlah	
	Ph.D		M/P		B/Adv.D		K TPM	
	K	TPM	K	TPM	K	TPM	K	TPM
Senibina, Perancangan dan Ukur	1	-	5	17	-	23	6	40
Sains Gunaan	7	-	7	9	-	7	14	16
Pusat Bahasa	2	-	7	12	-	16	9	28
Sains Matematik dan Komputer	11	-	5	14	-	3	16	17
Pentadbiran dan Undang-Undang	5	-	3	12	-	1	8	13
Kejuruteraan	7	3	25	9	-	11	32	23
Senilukis dan Senireka	3	-	5	7	-	6	8	13
Sebaran Am	4	-	2	5	-	1	6	6
Pusat Pendidikan Islam	1	-	6	2	-	-	7	2
Perakaunan	2	1	7	12	-	19	9	32
Sains Perpustakaan dan Maklumat	2	-	-	3	-	-	2	3
Sains Kesytausahaan	1	-	3	3	7	14	11	17
Pengurusan Hotel dan Penyediaan Makanan	1	-	5	7	2	15	8	22
MEDEC	1	-	2	4	-	5	3	9
Perniagaan dan Pengurusan	6	-	7	19	-	20	13	39
Kakitangan Pentadbiran	-	-	8	-	4	-	12	-
Jumlah	54	4	97	135	13	141	164	280
JUMLAH BESAR	58		232		154		444	

Penerbitan Buku-Buku dan Monograf

Sebanyak 9 buah karya asal telah diterbitkan dan 1 buah buku telah dapat diterjemahkan melalui BIROTEKS. Judul buku-buku yang diterbitkan itu adalah seperti berikut:

Bil.	Judul	Pengarang/Penyusun Penterjemah	Kajian/Pusat
1.	Intermediate English Listening & Speaking	Panel Pusat Bahasa	Pusat Bahasa
2.	Intermediate English Reading Comprehension	Panel Pusat Bahasa	Pusat Bahasa
3.	Intermediate English Grammar & Writing	Panel Pusat Bahasa	Pusat Bahasa
4.	Perhubungan Awam	Hamdan Hj. Adnan	Sebaran Am
5.	Maklumat Lisan Johor	Mohd. Rajib Abd. Ghani Ketua Projek	Projek Kajian Sebaran Am
6.	Foundation English II Listening & Speaking	Panel Pusat Bahasa	Pusat Bahasa
7.	Foundation English II Reading Comprehension	Panel Pusat Bahasa	Pusat Bahasa
8.	Foundation English II Grammar & Writing	Panel Pusat Bahasa	Pusat Bahasa
9.	Kalkulus Asas	Lau Too Kya	Sains Matematik dan Komputer
10.	Pengenalan Penilaian Harta	Kamsiah Hj. Sirat (Penterjemah)	Senibina Perancangan dan Ukur

Penyelidikan

Sebanyak 18 penyelidikan telah diluluskan bagi tahun 1987. Tajuk-tajuk penyelidikan, kajian dan kos yang diperuntukan adalah seperti berikut:-

Tajuk Penyelidikan	Ketua Penyelidikan	Kajian	Kos
1. International Construction Financing in South-East Asia	Wan Fatimah Othman	Senibina, Perancangan dan Ukur	\$ 2,000.00
2. Development of Knowledge Based Power System Samulation Package	Chan Sei	Kejuruteraan	\$ 6,000.00
3. Solar Ventilation for Automobiles	V. Azad Chacko	Kejuruteraan	\$ 4,000.00
4. Penggunaan Tenaga Ombak	Ir. Bakhtiar Hussain	Kejuruteraan	\$ 2,000.00

5.	Application of Optimal Control Theory in Planning and Evaluation of National Economics	Shaikh Dawood Ahmad Thamby	Kejuruteraan	\$ 12,550.00
6.	Study of Flouride Intake of Cereals and Compare with Flouride Intake Through Water of the Local Population	Law Kook Beng	Kejuruteraan	\$ 3,000.00
7.	International Comparative Study on Motivations for Studying Journalism	Mohd. Harndan Adnan & R. Sankaran	Sebaran Am	\$ 1,400.00
8.	Skim Usahawan Siswazah Satu Tinjauan Awal	Hj. Jamaluddin Hj. Che Sab	MEDEC	-
9.	A Preliminary Investigation of Some Issues In English Language Programmes Planned and Conducted by the MARA Institute of Technology	Habibah Salleh	Pusat Bahasa	-
10.	Mengenal Senilukis dari Segi Psikososial	Syed Sobri Zubir	Senibina, Perancangan dan Ukur	-
11.	Expert System Technology and Application to Decision Making in Malaria Control	Mardziah Hj. Hashim	Sains Matematik dan Komputer	\$ 5,500.00
12.	Kajian Tempat Letak Kereta di ITM	Mohd. Yusoff Ismail	Kejuruteraan	\$ 9,542.00
13.	Degradation of Aggregates in Highway Base and Sub-Base	Ir. Haron Ismail	Kejuruteraan	\$ 9,100.00
14.	Rekabentuk Proses dan Operasi Kolam Pengoksidaan dan Loji Pakej ITM	Ruslan Hassan	Kejuruteraan	\$ 8,000.00
15.	Host's Perception of Tourism in Pulau Langkawi and Cameron Highland	Wan Mahmud Ahmad	Pengurusan Hotel dan Penyediaan Makanan	\$ 18,492.00
16.	A Proposal Model of Tourists Information Centres in Malaysia	Mohd. Rosly Selamat	Pengurusan Hotel dan Penyediaan Makanan	\$ 13,997.00
17.	The Adoption of Cook-Chill System to Local Ethnic Foods	Yeo Poh See	Sains Gunaan	-
18.	Sistem Maklumat Kampus ITM	Syed Jamaluddin Syed Ali	Kejuruteraan	\$ 57,500.00

Hanya satu penyelidikan yang dapat disiapkan dalam tahun 1987 iaitu Kajian Kekesanan Program Pembangunan Usahawan dan Susulan Ke Atas Peserta-Peserta Lepas MEDEC. Penyelidikan ini diketuai oleh Encik Nawawi Hi Mohd Jan selaku Ketua MEDEC

Selain dari itu sebanyak 13 penyelidikan yang telah dimulakan sebelum tahun 1987 telah diteruskan. Maklumat-maklumat lanjut penyelidikan tersebut adalah seperti berikut:-

Taiuk Projek	Ketua Penyelidikan	Kajian	Tarikh Mula	Kos (\$)
1. Menentukan Perkataan Perkataan Bahasa Malaysia Yang Kerap Digunakan Dalam Surat Menyurat Di Sektor Awam dan Swasta.	Haji Abdul Aziz Hassan	Sains Kesetiausahaan	5/12/1985	10.420.00
2. To Study The Effect Of Tin On Thermo - Electricity - And On Magnesium Alloy/ Uses For Tin And Its Alloy.	Dr. Faqir Gul	Kejuruteraan	10/3/1985	200.000.00
3. Penggunaan Maklumat Di Kalangan Pembuat-Pembuat Dasar Negara Di Malaysia. dan Penilaian Tentang Kesedaran Mereka Mengenai Maklumat Dan Perkhidmatan Maklumat.	R. Abdullah R. Yaacob	Sains Perpustakaan & Maklumat	12/1/1986	8 360 00
4. Kajian Kekesanan Kos Ke Atas Sistem Dapatan Kembali Maklumat Berotomasi Berdasarkan Kepada Pengkalan Cipta Sendiri Bagi Perpustakaan Malaysia.	Indahshah Hi. Sidek	Sains Perpustakaan & Maklumat	12/3/1985	4.394.00
5. Keberkesanan Komunikasi Jabatan Penerangan Ke Atas Kampong Penerangan : Satu Kajian Perbandingan Di Negeri Johor. Kedah. Kelantan dan Selangor	Datin Sharifah Mariam Ghazali	Sebaran Am	2/1/1986	10 000.00
6. Seiauh Manakah Pengaruh Siaran Radio Yala Berbanding Dengan Siaran Radio RTM.	Mohd. Hamdan Adnan	Sebaran Am	3/10/1985	8.739.50
7. Kajian Mengenai Keperluan Pusat-Pusat Maklumat dan Tenaga Profesional Di Bidang ini. Di Sektor Awam Dan Swasta	Datin Molina S. Niihar Normah Abu Seman	Sains Perpustakaan & Maklumat		15 786 00
8. Sistem Perpustakaan Berkomputer	Dr. Katni Kamsono Kibat	Sains Perpustakaan & Maklumat		5 350 00
9. Bioteknologi Dalam Pengolahan dan Penggunaan Sisa-Sisa Perindustrian	Lee Kok Kheng	Sains Gunaan	10/6/1986	100 000 00

10.	Applicability of Accounting Theories In Small Business of Terengganu State	Francis Penafort/ Unvar Rahman	ITM Cawangan Terengganu	17/7/1986	27.000.00
11.	Pasaran Hartanah	Fadilah Mohd. Taufik	Senibina. Perancangan dan Ukur	17/7/1986	2.145.00
12.	Computer Aided Design And Engineering For Plastics Products And Mould Design.	Lee Kok Kheng	Sains Gunaan	6/10/1986	40.000.00
13.	The Technology Access and Adoption process In Small-Medium Size Enterprise Study of Selected Manufacturing Enterprise In Malaysia.	Ahmad Zahdi	MEDEC	16/10/1986	32.833.03

Khidmat Perunding

Dua projek perunding telah dapat disiapkan dalam tahun 1987. Enam projek lagi adalah merupakan sambungan dari tahun 1986. manakala lima projek baru telah dimulakan pada tahun 1987. Maklumat lanjut projek-projek tersebut adalah seperti berikut:

PROJEK-PROJEK KHIDMAT PERUNDING YANG TELAH SELESAI DILAKSANAKAN PADA TAHUN 1987

Tajuk Projek Khidmat Perunding	Ketua Pakar Perunding	Kajian	Pelanggan	Kos	Tarikh Selesai
1. Study on the Diffusion of Development Information to the Grassroots : The Role of the Mass Media: Formal Institutions. Community/ Influentials and Governments Change Agents in Sarawak	Datin Sharifah Mariam Ghazali	Sebaran Am	Kementerian Pembangunan Sosial Negeri Sarawak	\$ 76.341.46	Nov. 1987
2. Kajian Mengenai Penggunaan Komputer Di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Jabatan Negeri Perlis	Mohd. Isa Mohd. Samad	Sains Matematik dan Komputer	Unit Perancang Ekonomi Negeri. Perlis.	\$ 31.355.00	Nov. 1987

PROJEK-PROJEK KHIDMAT PERUNDINGAN YANG DISAMBUNG DARI TAHUN 1986

